



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
( Agensi di bawah KPDNHEP )



# SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN

# APA ITU SPPP

Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) merupakan satu inisiatif untuk membantu usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa mendaftar perniagaan secara PERCUMA



**USAHAWAN  
KUMPULAN B40**



**PELAJAR IPT  
SEPENUH MASA**

# SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

## USAHAWAN KUMPULAN B40

- Warganegara atau penduduk tetap berumur 18 tahun dan ke atas
- Penerima/pasangan yang menerima bantuan khas kerajaan melalui MOF/LHDN yang memanfaatkan golongan B40 seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0, Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), mySalam dan lain-lain;
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM

## PELAJAR IPT SEPENUH MASA

- Warganegara atau penduduk tetap berumur 18 tahun dan ke atas
- Pengajian belajar/kursus secara sepenuh masa di mana-mana IPTA / IPTS / Politeknik / Kolej / Institut Kemahiran / Pusat Kemahiran di dalam negara
- Tiada rekod entiti perniagaan yang masih aktif di SSM

# MANFAAT PENGECUALIAN FI

~~RM30~~

Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan. (Contoh : Ali bin Abu / Tan Bee Din / Yuvarajoo A/L Rajagopal)

~~RM60~~

Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari kategori kumpulan yang layak memohon skim ini) menggunakan nama tred. (Contoh : Percetakan Fakhrur, Lemang Tokti Enterprise, Rahim Fitness Centre)

~~RM10~~

Cetakan maklumat perniagaan

\*Skim ini percuma hanya untuk tempoh setahun sahaja

# KELEBIHAN MENDAFTAR PERNIAGAAN



Perniagaan  
diperakui sah disisi  
undang-undang



Membolehkan akaun  
semasa perniagaan di  
daftarkan



Meningkatkan  
kepercayaan pembeli  
untuk berurusan dengan  
peniaga yang sah



Memudahkan akses kepada  
bantuan pinjaman kewangan  
dan latihan daripada kerajaan  
& agensi berkaitan



Boleh memasuki  
transaksi jual beli yang  
sah termasuk ikatan  
kontrak

# CARA MEMOHON SPPP

1. Permohonan secara atas talian sahaja di **ezbiz.ssm.com.my**
2. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna akaun EzBiz Online terlebih dahulu
3. Lampirkan dokumen-dokumen seperti berikut:

## **USAHAWAN KUMPULAN B40**

Bukti pengesahan menerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) atas nama atau No. Mykad/MyPR pemohon

## **PELAJAR IPT SEPENUH MASA**

Salinan surat pengesahan pelajar dari pihak IPTA/ IPTS/ Politeknik/ Kolej/ Institut Kemahiran/ Pusat Kemahiran



**SILA IMBAS  
UNTUK KETERANGAN LANJUT**

# HUBUNGI SSM



**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**  
**Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur**



**+603-7721 4000 (Pusat Panggilan SSM)**



**[enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)**